

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(V)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

5. Aktiviti *Medical Tourism* semakin popular di Negeri Pulau Pinang. Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Pulau Pinang terus unggul dalam sektor ini?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Bagi memastikan Pulau Pinang terus unggul dalam sektor *Medical Tourism*, Kerajaan Negeri akan mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:
  - (a) Meningkatkan daya saing hospital dalam sektor *Medical Tourism* melalui Penang Center of Medical Tourism (PMED). Pada masa ini, PMED mempunyai keahlian sebanyak 13 hospital dan bergiat aktif dalam pemasaran Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan perubatan yang terunggul;
  - (b) Meluaskan promosi dan pemasaran pelancongan perubatan ke pasaran Asia Pasifik yang mempunyai penerangan terus ke Pulau Pinang seperti China dan Vietnam di samping mengekalkan hubungan dengan pasaran Indonesia yang selama ini menjadi pasaran utama Pulau Pinang;
  - (c) Bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) serta meningkatkan kemudahan dan kelengkapan untuk menerima pelancong perubatan; dan

- (d) Bekerjasama dengan pihak swasta untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam membina baru atau menaik taraf pusat perubatan pelancongan.